Gah!

Empat siswazah universiti swasta berjaya dalam pelajaran meskipun pernah menghadapi kesukaran dan kekecewaan. Ikuti laporan **SITI NUR 'ALIAH GHAZALI** *(sghazali@sph.com.sg).*

Raih sarjana pujian kelas pertama dalam fesyen

ADA segelintir remaja yang mungkin tidak memikirkan tentang masa depan mereka. Namun, bagi Encik Nurshahiddin Abdul Rasid, beliau sudah tahu bidang apa yang ingin diceburi sejak beliau di bangku sekolah lagi – kerjaya dalam bidang fesyen.

"Minat saya dalam bidang fesyen sudah bermula sejak sekolah menengah lagi.

"Ketika itu, saya meminati Subkultur British seperti *skinhead punks* dan sebagainya. Ia menarik minat saya dalam bidang fesyen," ujarnya sambil tertawa.

Namun, keinginan beliau mendalami bidang fesyen tidak kesampaian apabila keputusan peperiksaan GCE Peringkat 'O' beliau kurang memberangsangkan.

Encik Nurshahiddin kemudian mengambil keputusan melanjutkan pelajaran pada peringkat diploma di Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS) dalam jurusan pelancongan dan pengurusan perhotelan.

"Selain fesyen, saya juga gemar melancong dan minat dalam bidang F&B.

"Oleh itu, saya memilih mendapatkan diploma dalam bidang tersebut," kongsi anak bongsu dalam empat beradik itu.

Setelah meraih diploma, pemuda itu menjalani perkhidmatan negara (NS).

"Sebelum memulakan NS, saya telah bekerja dengan sebuah majalah fesyen lelaki.

"Pengalaman itu memberangsangkan minat saya dalam bidang fesyen."

Mujur, Encik Nurshahiddin mendapat tahu bahawa MDIS telah menubuhkan Sekolah Fesyen dan Desain.

Beliau dengan segera memohon melanjutkan pelajarannya pada peringkat ijazah sarjana muda.

MAHU KE LUAR NEGARA MELANJUTKAN PELAJARAN: Encik Nurshahiddin Abdul Rasid sudah tahu akan azamnya mahu menceburi bidang fesyen sejak di sekolah menengah lagi. – Foto ihsan NURSHAHIDDIN ABDUL RASID

Bukan itu sahaja, Encik Nurshahiddin juga dianugerahkan biasiswa daripada MDIS.

"Apabila saya menerima tawaran pengajian daripada MDIS berserta biasiswa, saya berasa amat gembira.

"Saya rasa seakan saya harus melakukan yang terbaik dan tidak mengecewakan keluarga.

"Jika saya mendapat keputusan yang bagus, ia merupakan salah satu cara saya berbakti kepada sekolah."

Menyingkap kembali tentang cabaran yang harus dilalui sepanjang pengajian beliau, Encik Nurshahiddin berkongsi cerita:

"Sebelum ini, saya lebih mendalami aspek sejarah dan budaya fesyen dan sering menimba ilmu daripada bacaan sendiri.

"Namun, di sekolah keadaannya berbeza, saya harus mendalami aspek pemasaran dan perniagaan fesyen.

"Ia merupakan satu perubahan dari segi perspektif fesyen dan pada mulanya, ia amatlah sukar."

Mujur beliau banyak mendapat sokongan daripada pensyarah di MDIS yang banyak membantunya.

Salah seorang pensyarahnya, Cik Sandy Moorhouse, menggalakkannya membaca banyak buku supaya dapat mempertingkat pengetahuannya dalam bidang tersebut.

Kini, Encik Nurshahiddin berjaya meraih segulung ijazah sarjana kepujian kelas pertama daripada Universiti Nottingham Trent.

"Saya berazam mahu melebarkan sayap ke luar negara atau melanjutkan pelajaran dalam bidang ini. Selain itu, saya juga ingin berbakti kepada masyarakat.

"Nasihat saya kepada pelajar di universiti swasta ialah apabila berada di universiti sebegini, kita harus bijak berdikari agar berjaya."

Dapat anugerah cemerlang akademik

CIK Nur Shazleena Johar terkejut apabila mendapat tahu beliau salah seorang penerima anugerah Penghargaan Naib Canselor bagi Kecemerlangan Akademik.

"Saya seakan tidak percaya diberi anugerah sebegini kerana sepanjang pengajian saya daripada sekolah rendah, pencapaian saya di universiti biasa-biasa saja biarpun mungkin lebih baik berbanding kawan lain," katanya tersipu malu.

Wanita berumur 23 tahun ini menerima ijazah sarjana dalam jurusan perdagangan dalam perakaunan dan kewangan daripada Murdoch University di Kaplan pada Mac lalu.

Minatnya terhadap jurusan yang dipilih itu bermula sejak zaman sekolah menengah lagi.

Ketika menuntut di Sekolah Menengah St Hilda's, Cik Nur Shazleena mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan (POA).

Namun, beliau mengambil keputusan meneruskan pengajiannya di Politeknik Temasek dalam jurusan pengajian awal kanak-kanak.

"Setelah saya mengambil jurusan itu, saya dapati ia bukan kekuatan saya. Jadi, saya ambil keputusan mendalami jurusan perakaunan dan kewangan di universiti."

Perjalanan Cik Nur Shazleena sebagai siswazah juga tidak bermula dengan mudahnya.

Walaupun beliau tidak dapat memasuki universiti awam, hal itu tidak mematahkan semangatnya.



MENCEBURI BIDANG PERAKAUNAN DAN KEWANGAN: Walaupun telah menukar kursus di universiti, Cik Nur Shazleena Johari (*kiri*) tetap berjaya dalam pelajarannya. Bergambar bersamanya ialah ibunya, Cik Noraini Amat. – Foto ihsan NUR SHAZLEENA JOHARI

Setelah setahun menyambung pengajiannya di SIM-UOL, Cik Nur Shazleena mengambil keputusan berhenti belajar di situ.

Beliau kemudiannya mengambil jurusan yang sama di Universiti Murdoch di Kaplan.

"Pada mulanya, ia seakan satu keputusan tergesa-gesa namun kini saya bersyukur kerana ia terasa seperti saya sepatutnya berada di sini, kini," kongsinya sambil tersenyum.

Pengajian beliau yang hanya mengambil tempoh 16 bulan itu begitu padat.

"Cabaran utama saya ialah saya harus bijak menguruskan masa. Masa kami sentiasa penuh dengan tugasan dan peperiksaan. Pengurusan masa yang baik perlu."

"Saya bersyukur ibu bapa saya sentiasa memberi kata-kata dorongan. Selain itu juga, pensyarah di Kaplan amat membantu.

"Mereka amat senang didekati dan sering memberikan nota tambahan dan berkongsi pengalaman mereka sendiri kepada pelajar."

Apabila ditanya tentang rancangan beliau kini, wanita yang bekerja sebagai pembantu kewangan di syarikat 3G Logistics berkata:

"Saya pernah terfikir mengambil Sijil Kelayakan Perakaunan CTA dan ingin menjadi akauntan awam yang disahkan.

"Pesanan saya kepada siswazah universiti swasta adalah supaya jangan putus asa. Walaupun ada kala ia merupakan satu perjuangan yang amat sukar, kita akan tetap berjaya akhirnya."

Tidak patah semangat untuk capai impian

TIDAK INGIN MENGECEWAKAN IBU BAPA LAGI: Cik Nur Aqilah Jamaludin (*tengah*) bersama ibu bapanya, Encik Jamaludin Abu Yamin (*kiri*) dan Cik Nooradelin Mohammad Salleh (*kanan*), serta datuk neneknya, Encik Mohammad Salleh Abu Bakar (*dua dari kiri*) dan Cik Fatimah Sulaiman (*dua dari kanan*), bekerja keras supaya tidak mengecewakan mereka lagi setelah gagal mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan GCE Peringkat 'A'. – Foto ihsan NUR AQILAH JAMALUDIN

KEINGINAN dan minat mendalam dalam bidang psikologi membakar semangat Cik Nur Aqilah Jamaludin agar tidak berputus asa.

Walau tidak berjaya meraih keputusan peperiksaan GCE Peringkat 'A' yang memuaskan, ini tidak menyekatnya mencapai impian.

Kini, gadis berumur 24 tahun itu meraih ijazah sarjana *Summa Cum Laude* daripada University at Buffalo di SIM Global Education, Institut Pengurusan Singapura (SIM) dalam jurusan psikologi.

"Saya rasa gembira dan bersyukur atas pencapaian ini, namun saya tidak mampu melakukannya tanpa sokongan keluarga dan kawan tersayang.

"Pensyarah di sekolah juga amat berpengetahuan dalam bidang mereka dan saya berbesar hati dapat belajar daripada mereka," ujarnya.

Minatnya dalam bidang psikologi sudah bermula sejak kecil lagi.

Dari kecil, Cik Nur Aqilah sering merasakan bahawa mempelajari minda dan perangai manusia itu sesuatu yang amat menarik sekali.

Keputusannya mahu melanjutkan pelajaran di SIM-UB adalah kerana kursus yang ditawarkan amat menarik.

"Pada pendapat saya, bidang psikologi di Amerika Syarikat amat maju dari segi kajian yang dilakukan.

"Oleh itu, saya ingin menimba ilmu daripada pensyarah yang dikenali sebagai akademia terkemuka dalam bidang ini."

Pencapaian anak pertama daripada enam beradik ini bukan sahaja sesuatu yang manis baginya namun buat keluarganya juga.

"Sebagai anak sulung, saya merasakan saya harus melakukan yang terbaik buat keluarga. Saya juga harus menjadi contoh yang baik kepada adik-beradik saya.

"Saya bersyukur ibu bapa dan datuk nenek saya sentiasa memberi saya sokongan. Saya telah mengecewakan mereka dengan keputusan peperiksaan GCE Peringkat 'A' saya dan saya tidak mahu kecewakan mereka lagi."

Semasa melanjutkan pengajian, Cik Nur Aqilah juga bekerja separuh masa dan memberi tuisyen kepada beberapa pelajar.

Mengimbangi masa antara pelajaran dengan pekerjaan amatlah susah, namun beliau sering menggunakan buku jadualnya supaya sentiasa dikemaskini dengan tugasan dan ujian sekolah dan pekerjaan sambilannya.

Beliau juga memastikan beliau sering merancang lebih awal supaya tidak kelam-kabut pada waktu akhir.

Cik Nur Aqilah yang kini guru pendidikan khas di sebuah sekolah berazam menimba ilmu dalam bidang pendidikan khas di NIE.

"Saya ingin berpesan kepada semua pelajar universiti swasta agar tidak meletakkan stigma berada di universiti swasta menghalang kita daripada berjaya.

"Melihat kembali, saya bersyukur telah memilih SIM-UB kerana saya mengenali ramai pensyarah yang amat berinspirasi. Pengalaman ini memberikan saya kembali keyakinan dalam diri yang telah hilang setelah zaman GCE Peringkat 'A'.

"Belajar di universiti swasta bukanlah mudah, namun jika kita fokus pada impian kita, kita pasti boleh mencapainya."

Berazam lanjut belajar pada peringkat sarjana

BELIAU memilih melanjutkan pengajian di Politeknik Ngee Ann kerana ingin meluaskan potensinya.

Namun, dek kesibukan dengan pelbagai kegiatan di politeknik itu, pelajarannya terabai.

Pada akhir tahun pengajiannya, Encik Abdul Halim Hidayat lulus namun bukan dengan keputusan yang dapat dibanggakan.

Itu titik perubahan bagi beliau dan kini pemuda berumur 25 tahun itu dapat tersenyum gembira.

Encik Abdul Halim dianugerahkan ijazah sarjana muda kelas pertama dalam jurusan kejuruteraan elektrik dan elektronik daripada Universiti Cloventry di PSB Academy.

Bukan itu sahaja, beliau juga diberi Anugerah Siswazah Terbaik.

"Saya berasa gembira dapat membuat ibu bapa saya bangga dan saya telah mengharumkan nama bangsa Melayu."

Menyingkap kembali tentang kenapa beliau memilih kursus tersebut, Encik Abdul Halim berkata:

"Walaupun saya mempunyai minat lain, saya memilih jurusan ini kerana ia jurusan yang saya rasa dapat memastikan kerjaya dan masa depan yang stabil," ujarnya.

Apabila ditanyakan tentang keputusannya memilih PSB Academy, Encik Abdul Halim berkata:

"Keputusan saya memilih PSB Academy adalah kerana saya tertarik dengan kursus yang ditawarkan dalam jurusan ini.

"Selain itu juga, pensyarah di PSB Academy sangat membantu dan sentiasa memberi dorongan kepada pelajar mereka.

KEINGINAN MAHU BERJAYA TERUS MEMBARA: Encik Abdul Halim Hidayat (*tengah*) bersama ibunya, Cik Samsia Samad, dan ayahnya, Encik Hidayat Buang, tidak ingin melihat ke belakang dan terus pandang ke hadapan dan terus kekal berjaya demi keluarga dan dirinya. – Foto PSB ACADEMY

"Mereka sentiasa berkongsi ilmu dan tidak kisah menghabiskan masa di luar waktu bilik darjah," ujarnya.

Sewaktu bergelar mahasiswa, Encik Abdul Halim juga bekerja secara sambilan di sebuah syarikat kejuruteraan, Aim Fire Systems & Engineering Private Limited.

Beliau juga merupakan ahli di beberapa persatuan seperti Persatuan Belia Darul Arqam, Masjid Kampung Siglap dan merupakan jurulatih bagi persatuan bahas Politeknik Ngee Ann.

Apabila ditanyakan akan jadualnya yang padat, Encik Abdul Halim berkongsi cerita:

"Cabaran utama yang saya lalui ialah kekangan masa kerana saya harus mengimbangi masa antara pelajaran dengan kegiatan di persatuan. Tambahan pula, jadual mahasiswa universiti swasta lebih padat kerana tempoh masa bagi ijazah kami lebih singkat berbanding universiti awam."

Beliau berkongsi bahawa seseorang itu harus bijak mengunakan dan membahagikan masa.

Kini, beliau merancang terus bekerja di syarikat yang sama dan berazam melanjutkan pelajaran pada peringkat sarjana dalam jurusan sama di sebuah universiti awam.

Nasihat beliau kepada siswazah universiti swasta:

"Walaupun ramai yang mengatakan bahawa universiti swasta tidak segah universiti awam, saya percaya bahawa ia tetap merupakan peluang untuk kami berjaya.

"Selain itu, sentiasa membantu antara satu sama lain dan sentiasa bertanya jika anda tidak tahu akan sesuatu. Bergelar siswazah itu susah namun sikap yang baik adalah utama."